

LATIHAN MEMAHAMI SAJAK

NAMA: _____

a. Padankan rangkap sajak dengan maksud yang betul.

Ketika menaiki bas
aku melangkah perlahan-lahan
kupanjatkan doa kepada tuhan
semoga selamat dalam perjalanan

Ketika membeli juadah di kantin
aku berbaris menunggu giliran
tidak mahu bertolak-tolakan
perbuatan tersebut membawa
padah
juadah kubeli mungkin tertumpah

Ketika bermain di padang
aspek keselamatan aku utamakan
tidak mahu mengundang tragedi
perlu lebih berhati-hati

Ketika membeli juadah di
kantin, aku perlulah berbaris
menunggu giliran. Jika
bertolak-tolakan mungkin
akan menyebabkan
makanan tertumpah.

Ketika bermain di padang,
aku mestilah mengamalkan
aspek keselamatan. Jika
tidak mahu berlaku perkara
yang tidak diingini, kita
mestilah berhati-hati.

Ketika menaiki bas, aku
perlulah melangkah dengan
perlahan dan berdoa agar
selamat sampai ke destinasi
yang ingin dituju.

- b. Baca sajak di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Suatu ketika dahulu
di sinilah burung belajar terbang
gajah berkeliaran
monyet bergayutan
memetik buah-buahan hutan

Suatu ketika dahulu
di sinilah pohon-pohon hijau merimbun
segar disirami embun
bunga pelbagai warna
mekar indah memukau mata

Namun masa mengubah segalanya
keadaan di sini jauh berbeza
manusia yang tamak haloba punya angkara
hutan yang banyak berjasa
dimusnahkan begitu sahaja

1. Nyatakan keadaan pohon-pohon hijau merimbun dalam sajak ini.

2. Hutan yang telah banyak berjasa telah dimusnahkan oleh

3. Pada pendapat kamu, bagaimanakah cara hendak melindungi hutan di negara kita?
